

CNS2439

U GB 02-07 00125 BA716

bah

GAGASAN PEMBANGKANG BUKTI DEMOKRASI DI MALAYSIA, KATA MAHATHIR
Mahathir - pembangkang

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pendaftaran +Gagasan Rakyat+ membuktikan wujudnya demokrasi terhadap sistem pelbagai parti di negara ini.

Perdana Menteri berkata parti-parti pembangkang berhak untuk membentuk gabungan itu.

+Ia bagaimanapun tidak akan memberikan masalah kepada Barisan Nasional,+ katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Maal Hijrah 1413 di Stadium Negara.

Beliau ditanya mengenai kelulusan pendaftaran +Gagasan Rakyat+ April lepas dan sama ada ia akan memberikan saingan kepada BN dalam pilihan raya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub pula berkata selain +Gagasan Rakyat+, pendaftaran +Angkatan Perpaduan Ummah+ turut diluluskan. -- Lagi

▼02/07/13-31MST

CNS2445

U PB 02-07 00114 BA717

bah

Mahathir - pembangkang 2 (Akhir) Kuala Lumpur

+Kedua-duanya sudah didaftarkan setelah memenuhi syarat-syarat,+ kata Megat Junid kepada Bernama pada majlis yang sama.

Beliau bagaimanapun tidak dapat menyatakan bila pendaftaran Angkatan diluluskan.

Ia mengandungi parti-parti Melayu dan Islam iaitu Pas, Semangat 46, Hamim dan Berjasa yang bergabung menentang BN dalam pilihan raya umum 1990 serta beberapa pilihan raya kecil di Kedah, Kelantan dan Terengganu selepas itu.

Gagasan Rakyat pula dilancarkan oleh Semangat 46 bersama-sama DAP, Barisan Progresif India (IPF), Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan Parti Solidariti Malaysia (MSP) menjelang pilihan raya umum lepas untuk menentang BN di negeri-negeri pantai barat Semenanjung. -- Bernama

▼02/07/13-55MST